

BERITA HARIAN, KHAMIS, 16 JULAI, 1981

Persambungan

HARI ini juga teraju pemerintahan negara beralih ke tangan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Ini ialah suatu penghormatan yang wajar kepada seorang putera tanahair yang telah menumpukan seluruh perjuangan politiknya untuk memperbaiki nasib rakyat dan mencipta sebuah masyarakat Malaysia moden yang maju, aman dan bersepadu. Perjuangan politik Datuk Seri Dr. Mahathir bermula semenjak beliau di universiti, dan dalam UMNO semenjak parti itu mula diasaskan lagi. Jadinya beliau memanglah telah dewasa bersama perkembangan politik negara. Di samping itu beliau juga mempunyai pengalaman luas sebagai pemimpin Kerajaan. Dalam tahun 1974 beliau telah dilantik oleh Tun Abdul Razak sebagai Menteri Pelajaran. Sewaktu memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri beliau juga telah mengendalikan portfolio penting Perusahaan dan Perdagangan.

Satu sifat Datuk Seri Dr. Mahathir yang ketara ialah kerelaan dan keupayaan beliau menghadapi isu-isu yang kompleks secara berhadapan dan memikul tanggungjawab yang berat dengan penuh tabah dan yakin. Sebagai Menteri Pelajaran beliau berjaya memperkemas pelancaran dasar-dasar bahasa dan pelajaran negara; selaku Menteri Perusahaan dan Perdagangan beliau telah berjaya bukan sahaja mengembalikan kepercayaan pelabur asing kepada negara ini berikutan dengan pelaksanaan Akta Penyelarasan Industri malah begitu giatnya beliau menarik perhatian dan sumbangan pelaburan asing hingga beliau diberi jolokan sebagai jurujual ulung negara; dan sebagai Timbalan Perdana Menteri beliau telah membuktikan sepenuhnya kepercayaan yang telah diberikan oleh Datuk Hussein dalam tahun 1976 berdasarkan kematangan dan asas pendidikan beliau yang teguh.

Jadinya kemunculan Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri dan pemimpin utama negara bukanlah sesuatu yang berlaku secara mendadak atau tiba-tiba sahaja. Ketokohan beliau telah terbentuk dengan teliti dan teruji berulang-kali. Dari sumbangan-sumbangan yang telah diberikannya, dan dari pengakuan beliau sendiri, matlamat utama perjuangan beliau ialah kemajuan dan kesejahteraan negara. Dan oleh kerana beliau sendiri telah bersama-sama membentuk dan melaksanakan dasar pemerintahan dan pembangunan negara maka penerusan dasar-dasar ini adalah terjamin. Perubahan kepada suatu tempo dan stail pentadbiran yang rancak diduga. Kita harap pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir akan berjaya melahirkan satu sistem pemerintahan yang cukup cekap, berani dan adil.